



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

KRT SEDIA GERAK KERJA BANTU MANGSA TERJEJAS BENCANA BANJIR

Putrajaya, 27 Disember – Susulan daripada bencana banjir yang sedang berlaku di beberapa buah negeri di pantai barat Semenanjung Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah menggerak dan memperkukuhkan peranan KRT dalam memastikan kelangsungan dan kesejahteraan hidup komuniti semasa dan pasca bencana banjir.

Bagi tujuan pemantauan mangsa bencana banjir, saya telah mengarahkan semua jentera perpaduan di peringkat negeri dan daerah/bahagian iaitu **Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Skwad Uniti (SU)** agar mengemukakan laporan dan butiran lengkap bagi mangsa banjir di kawasan terjejas. Menurut laporan sehingga 24 Disember, sebanyak lima (5) buah KRT telah terjejas banjir dengan bilangan mangsa yang terlibat ialah seramai 450 orang daripada 198 buah keluarga.

KPN juga telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM135 ribu kepada 12 buah pejabat JPNIN Negeri bagi persiapan gerak kerja pasca banjir seperti program *RT Cares*, Dapur Komuniti KRT, aktiviti pembersihan lokasi terjejas banjir, ziarah perpaduan dan gerak kerja lain yang bersesuaian dengan keperluan semasa komuniti yang terjejas.

KPN akan terus memantau keadaan di kawasan yang terjejas banjir. KRT yang terkesan akibat banjir dinasihatkan agar sentiasa berwaspada, menjaga keselamatan diri serta mematuhi arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

DATUK AARON AGO DAGANG
Menteri Perpaduan Negara

27 Disember 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my
No rujukan: KPN.UKK.100-15/5/4 Jld 2 ()